

# Diabetes, punca kematian ketiga tertinggi di NBD

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kesihatan

Dari muka 1

Pada tahun ini, tema sambutan ialah 'Diabetes : Lindungi Keluarga Awda', di mana ia mengingatkan semua bahawa penyakit diabetis bukan hanya memberi kesan kepada pesakit, malah juga menjejaskan ahli keluarga. Menurut 8th Edition International Diabetes Federation (IDF) Atlas yang dikeluarkan pada tahun 2017, seramai lebih 425 juta penduduk dunia menghidap penyakit diabetes. Jumlah ini dijangka akan meningkat mencecah 625 juta menjelang tahun 2045 sekiranya tidak ada pelan tindakan dilaksanakan untuk mengawal atau menangani peningkatan isu ini. Tambahan lagi, penyakit diabetes disenaraikan sebagai punca utama kematian yang ketujuh tertinggi oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2016 dan telah menyebabkan kematian kepada 4 juta penduduk dunia pada tahun 2017 seperti yang dilaporkan oleh IDF.

Menurut Yang Berhormat, di Negara Brunei Darussalam, perangkaan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan mendapati bahawa penyakit diabetes terus kekal menjadi punca kematian ketiga tertinggi semenjak tahun 2012, di mana kadar kematian berpunca daripada penyakit diabetes adalah setinggi 10.1 peratus pada tahun 2017. Kaji Selidik Kebangsaan Status Kesihatan dan Pemakanan 2011 (NHANNS) melaporkan bahawa sebanyak 12.4 peratus penduduk Negara Brunei Darussalam adalah menghidap penyakit diabetes. Manakala, Kaji Selidik Cross-sectional STEPwise Approach to Surveillance (STEPS) Population Survey of Noncommunicable Diseases (NCDs) and Risk Factors

in Brunei Darussalam telah mendapati bahawa seramai 9.7 peratus penduduk Negara Brunei Darussalam mempunyai tahap gula dalam darah yang tinggi.

Yang Berhormat menambah, apa yang kita perlu ketahui mengenai penyakit diabetes adalah ia juga boleh mengakibatkan kesan jangka panjang yang membawa kepada penyakit-penyakit tidak berjangkit yang lain seperti kegagalan buah pinggang dan penyakit jantung. Penyakit diabetes adalah punca utama penyakit buah pinggang yang memerlukan dialisis.

Di Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat, dianggarkan seramai 800 pesakit (lebih kurang 90 peratus) yang menjalani terapi penggantian buah pinggang (*renal replacement therapy*) memerlukan hemodialisis. Penyakit jantung koronari pula adalah punca kematian kedua tertinggi, di mana sebahagian besar daripadanya adalah berpunca dari penyakit diabetes. Natijahnya, pesakit diabetes perlu mengawal penyakitnya dengan baik bagi mencegah komplikasi yang lebih memudaratkan. Ini dapat dilakukan dengan mendapatkan intervensi perubatan awal, mematuhi arahan pengambilan ubat serta pengamalan cara hidup yang sihat.

Menyentuh mengenai tema sambutan Hari Diabetes Sedunia tersebut, Yang Berhormat menjelaskan pada tahun ini menggariskan tiga mesej utama yang menyeru semua orang termasuk ahli keluarga dan masyarakat untuk : Pertama, Kesan Diabetes (*Discover Diabetes*). Pengesanan awal diabetes memerlukan penglibatan ahli keluarga dengan mengetahui langkah-langkah untuk mengenali risiko diabetes. Ini kerana satu dalam dua penyakit diabetes didapati masih belum dapat dikesan (*remains undiagnosed*). Pengesanan awal dan rawatan betul akan memberikan impak

yang signifikan bagi seseorang yang mempunyai risiko diabetes. Kedua, Cegah Diabetes Jenis 2 (*Prevent Type 2 Diabetes*). Diabetes boleh dicegah dengan mengamalkan amalan cara hidup sihat. Kita selaku orang Brunei mempunyai budaya yang mementingkan ikatan kekeluargaan. Jika semua ahli keluarga mengamalkan makanan sihat dan bersenam bersama, setentunya seluruh ahli keluarga akan mendapat manfaatnya dan akan dapat menggalakkan tingkahlaku yang boleh mencegah penyakit diabetes jenis 2 di dalam keluarga dan Ketiga, Urus diabetes (*Manage diabetes*). Setiap ahli keluarga memainkan peranan yang penting dalam penjagaan pesakit diabetes. Sokongan keluarga merupakan kunci utama dalam membantu pesakit mengurus rawatan dan memantau diabetes.

Tema sambutan pada tahun ini ujar Yang Berhormat juga mengingatkan kita penyakit diabetes, bukan sahaja boleh menjejaskan pesakit, tetapi ia juga boleh memberikan kesan terhadap psikologi, sosial dan ekonomi sesebuah keluarga. Ahli keluarga memainkan peranan penting dalam penjagaan pesakit diabetes. Kajian daripada IDF mendapati lebih separuh pesakit diabetes merasakan diagnosis diabetes mereka memberikan tekanan terhadap keluarga. Ia dapat dilihat dari tekanan emosi dan kewangan yang dikaitkan dengan penyakit diabetes. Sokongan kepada keluarga melalui pendidikan serta akses kepada penjagaan dan ubat-ubatan yang berpatutan perlu dipertingkatkan agar pesakit diabetes dapat mengekalkan hidup yang sihat. Kajian mengenai aspek psikososial diabetes mendapati separuh daripada responden, yang terdiri daripada ahli keluarga dan penjaga pesakit diabetes, mengatakan mereka ingin membantu orang yang menghidap diabetes dan mereka ingin lebih terlibat di dalam penjagaan ahli keluarga

yang menghidap diabetes.

Dalam hubungan ini tambah Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan yang komprehensif bagi merawat dan mengurus pesakit-pesakit diabetes di Pusat-pusat Kesihatan dan Hospital. Ini termasuk perkhidmatan Jururawat Pendidikan Diabetes (*Diabetic Nurse Educators*), yang bukan sahaja dapat mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada pesakit-pesakit Diabetes, malah juga berperanan sebagai sumber dan pendorong bagi ahli-ahli keluarga dan penjaga pesakit. Dalam hubungan ini, saya amat mengalu-alukan para pesakit, ahli-ahli keluarga dan penjaga pesakit Diabetes untuk memanfaatkan perkhidmatan tersebut dan yang sedia ada demi untuk sama-sama lebih prihatin dalam pengawalan penyakit diabetes.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa dalam usaha untuk mencegah dan mengesan penyakit-penyakit tidak berjangkit, termasuk penyakit diabetes, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan juga telah mengenalkan Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan yang baru dilancarkan pada tahun ini. Antara jenis pemeriksaan yang terkandung dalam Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan ini ialah pemeriksaan faktor-faktor risiko penyakit diabetes yang dijalankan di semua pusat kesihatan kerajaan di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam. Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan ini, antara lain insyaaAllah akan dapat membantu mengenal pasti faktor-faktor risiko bagi penyakit diabetes seperti kadar gula yang lebih dari normal dan indeks jisim badan yang berlebihan serta faktor-faktor risiko bagi penyakit-penyakit tidak



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Md. Isham bin Jaafar.

berjangkit yang lain. Dalam kesempatan ini, saya ingin memberikan saranan kepada orang ramai untuk memanfaatkan program pemeriksaan tersebut agar orang ramai boleh mendapatkan rawatan awal dan membolehkan pengawalan penyakit yang lebih baik.

Dalam hubungan itu jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan melalui Pelan Strategik 2019-2023 InsyaaAllah akan terus berusaha untuk memastikan setiap rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam akan mendapat penjagaan kesihatan yang saksama dan mudah diakses serta menyediakan sistem penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Pada masa yang sama jua, Kementerian Kesihatan juga akan memperkukuhkan langkah-langkah pencegahan penyakit tidak berjangkit, termasuk penyakit diabetes dan sentiasa mempromosi kesejahteraan hidup di semua peringkat usia. Kita perlu bangkit bersama untuk mencegah dan menentang diabetes serta melindungi keluarga kita daripadanya.

## Sesi perjumpaan bersama mahasiswa Thailand di UNISSA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (duduk, dua dari kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul (duduk, tengah) bergambar ramai bersama mahasiswa Thailand yang mengikuti pengajian di UNISSA pada perjumpaan berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengatur sesi perjumpaan Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul dengan mahasiswa Thailand yang mengikuti pengajian di UNISSA.

Kunjungan Puan Yang Terutama telah dialu-alukan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Perjumpaan ini adalah bertujuan

untuk mengetahui lebih dekat perkembangan kemajuan pembelajaran dan seterusnya menyampaikan peralatan sukan kepada para mahasiswa Thailand di UNISSA.

Dalam sesi perjumpaan tersebut, Rektor UNISSA menjelaskan bahawa ketika ini seramai 42 orang mahasiswa sepenuh masa dari Thailand, dengan 34 mahasiswa

yang mengambil Ijazah Sarjana Muda, empat dalam program Sarjana, serta empat mahasiswa dalam bidang PhD. Di samping itu, sejak tahun 2013, UNISSA telah menganjurkan program pertukaran mahasiswa dengan penglibatan 24 orang mahasiswa dari Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University dalam tempoh satu tahun akademik di UNISSA di mana mereka belajar mata pelajaran pengajian Islam, di samping Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Ketika ini juga, UNISSA telah melantik seorang tenaga akademik dari Thailand selaku Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban untuk membantu peningkatan kemajuan UNISSA khususnya dalam bidang penyelidikan halal.

Hubungan UNISSA dengan Institusi Pengajian Tinggi Thailand adalah begitu akrab dan sering melaksanakan kerjasama dalam menganjurkan beberapa persidangan dan seminar tahunan, termasuk Persidangan Antarabangsa mengenai Islam di Dunia Melayu (ICON-IMAD) dan Seminar Pengajian Tinggi Islam

(SeIPTI).

Puan Yang Terutama dalam ucapannya amat berbesar hati terhadap penerimaan UNISSA kepada para mahasiswa Thailand dan berharap supaya para mahasiswa ini akan terus dapat menimba ilmu sehingga ke peringkat yang lebih tinggi lagi di UNISSA. Sumbangan peralatan sukan kepada mahasiswa Thailand adalah sebagai tanda prihatin pihak kedutaan agar para mahasiswa Thailand di UNISSA akan terus bersemangat mengikut pengajian di UNISSA apatah lagi peperiksaan semester sudah semakin dekat.

Di akhir perjumpaan, PYT sempat beramah mesra dengan para mahasiswa Thailand di samping memberikan motivasi agar mereka menumpukan perhatian dan bersedia menghadapi peperiksaan yang akan datang.

Kunjungan PYT ini dihadiri sama oleh Minister Counsellor, Kedutaan Thailand, Puan Pratuangtip Sirivitaes dan Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.